



## UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Karung Berkunci No.1752, Pejabat Pos Durian Tunggal,  
76109 Durian Tunggal, Melaka.  
Tel : 06-331 6188 Faks : 06-331 6115  
E-mel : [bendahari@utem.edu.my](mailto:bendahari@utem.edu.my)

### PEJABAT BENDAHARI

Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.02/10.12/3/2 Jld.2 (21)  
Ruj. Tuan (Your Ref) :



Mac 2010

23 Rabiul Awal 1431H

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 3/2010

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan

#### PINDAAN SYARAT SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER

##### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai Pindaan Syarat Skim Pembiayaan Komputer di UTeM.

##### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah mengeluarkan beberapa Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan mengenai Skim Pembiayaan Komputer dari tahun 1992 hingga 2009.
- 2.2 Sehubungan dengan ini, UTeM telah mengguna pakai peraturan-peraturan tersebut dengan pindaan melalui kelulusan-kelulusan mesyuarat Majlis Eksekutif.
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2010 pada 17 Februari 2010 telah meluluskan pindaan syarat skim pembiayaan komputer untuk diguna pakai.

### 3.0 PELAKSANAAN

3.1 Berikut adalah pindaan syarat skim pembiayaan komputer di UTeM:

Peraturan Asal (PB Bil. 9/2001)	Peraturan Baru
<p>1) Para 2.0 "Membeli/ pembelian komputer" bermakna pembelian komputer baru termasuk perkakasan dan perisiannya atau pembelian perkakasan dan perisian bagi tujuan peningkatan komputer".</p>	<p>1) Para 2.0 "Membeli/ pembelian komputer" bererti pembelian komputer baru termasuk perkakasan dan perisiannya atau pembelian perkakasan dan perisian bagi tujuan peningkatan komputer <b>pada masa pembelian itu dibuat</b>".</p>
<p>2) Para 6.1 Pinjaman hanya boleh diberi kepada seorang staf sekali sahaja dalam tempoh <b>lima tahun</b> dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan.</p>	<p>2) Para 6.1 Pinjaman hanya boleh diberi kepada seorang staf sekali sahaja dalam tempoh <b>tiga tahun</b> dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan.</p>
<p>3) Tidak dinyatakan secara spesifik</p>	<p>3) Tambahan pada Para 2.0 "Amaun pembiayaan ini boleh digunakan untuk membeli komputer baru <b>iaitu komputer peribadi, komputer riba termasuk pembelian pencetak dan pengimbas.</b>"</p>


#### 4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.
- 4.2 Dengan ini, para 2.0 dan 6.1 di dalam Pekeliling Bendahari Bil. 9/2001 adalah dipinda.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"**

Yang Benar,



**KHAIRUL BIN TAIB**  
Bendahari  
Pejabat Bendahari

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)